

**TITAH UCAPAN**  
**D.Y.T.M. TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA**  
**IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**  
**RAJA MUDA PERLIS**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERAMIAN PENUTUP KLINIK WOODBALL MASUM**  
**PADA 22 JANUARI 2011**  
**DI DATARAN DATO SHEIKH AHMAD KANGAR**

---

Bismillahirrahmanirahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'alla Wabarakatuh Dan Salam  
Sejahtera.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanawa Ta'ala, kerana di atas limpah kurnia dan Inayah-Nya jua, maka dapatlah kita menjayakan Klinik Sukan Woodball pada hari ini. Semoga peluang dan ruang yang

diberikan melalui penganjuran klinik ini akan dimanfaatkan sebaik mungkin oleh semua peserta hendaknya.

Hadirin sekalian,

2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) kerana memasukkan Sukan Woodball dalam kalendar kejohanan dan Sirkuit MASUM pada tahun ini.

3. Pasti timbul persoalan dikalangan anda, Kenapa saya begitu bersungguh-sungguh mahukan Woodball dimasukkan dalam aktiviti dan kalendar acara MASUM.

4. Memandangkan Woodball kini telah begitu meluas dimainkan oleh semua golongan masyarakat pelbagai usia di dunia, maka seharusnya

Malaysia juga perlu proaktif untuk melahirkan atlit Woodball yang setanding dengan Negara luar lainnya.

5. Saya begitu ingin melihat, Woodball ini dimainkan oleh golongan muda yang merupakan tonggak kegemilangan Negara dan atas sebab itulah juga saya melihat pengenalan kepada sukan ini di peringkat universiti mampu menjadi wahana kearah melahirkan atlit woodball yang berpotensi untuk mencatatkan kejayaan di pentas antarabangsa.

6. Dan saya yakin ia amat bertepatan sekali dengan misi MASUM iaitu untuk **"Menyediakan Atlet Cemerlang Yang Berterusan Dan Bersedia Bertanding Di Peringkat Antarabangsa"**. MASUM memiliki platform terbaik untuk merealisasikan hasrat ini melalui rangkaian Institusi Pengajian Tinggi Awam yang anda miliki.

7. Di Perlis sendiri, UiTM Arau telah memiliki lapangan Woodball meskipun ia baru diperkenalkan di sini, dan saya percaya inisiatif sama perlu diambil oleh semua IPTA memandangkan ia tidak memerlukan peruntukan dan bajet yang besar untuk membangunkan sukan ini.

Hadirin sekalian,

8. Dan kenapa pula saya menggalakkan mahasiswa dan mahasiswi IPTA untuk terlibat dalam sukan ini?

9. Untuk menjadi seorang yang berjaya dalam apa jua perkara yang dilakukan, semuanya berkait dengan hubungan antara diri dan minda.

Buat pengetahuan anda, golongan yang berjaya mencapai matlamat dalam hidup mereka adalah mereka yang berjaya mengawal dan memperkasakan minda.

10. Dan saya melihat melalui sukan Woodball ini, anda dapat melatih minda bagi mencetus kejayaan dalam diri. Kekuatan mental dan ketajaman minda merupakan asas utama untuk mencatatkan kemenangan dalam sukan ini.

11. Sukan ini juga memerlukan pemainnya memberikan fokus dan penumpuan yang tinggi dalam usaha untuk memasukkan “wooden ball” ke dalam “gate”. Dan sekiranya minda telah kuat, anda pasti akan mampu mencatatkan kejayaan-kejayaan lain dalam pengajian mahupun kehidupan anda.

12. Ibarat kata pepatah ***“Pedang yang tajam boleh membunuh beribu manusia tetapi minda yang tajam dapat menyelamatkan berjuta jiwa.”***

Hadirin sekalian,

13. Akhir sekali, saya amat mengharapka agar semua IPTA memainkan peranan yang sama penting untuk memajukan lagi sukan Woodball ini.

***“Bulat Air Kerana Pembentung, Bulat Manusia Kerana Muafakat”.***

Usaha untuk mempopularkan sukan ini tidak mampu digapai sekiranya hanya ada satu pihak sahaja yang bersungguh.

14. Akhir kata, terimalah pantun ini untuk renungan kita bersama;

**Kalau kurang pada rupa,**

**Jangan kurang pada budi,**

**Kalau MASUM sudah mula,**

**Yang lain-lain ayuhlah sekali.**

**Kalau kail panjang sejekal,  
Jangan lautan hendak diduga,  
Bermain woodball haruslah cekal,  
Barulah kita akan berjaya.**

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala  
Wabarakatuh.